



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.


eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Baca Buku? *Nerdlah Pulak!*

Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

Buku!

Aku!

Tak sesuai. Seolah-olah aku dan buku tak boleh dinyatakan dalam satu ayat.

“*Hang* suka baca buku? Buat rajin boleh”.

“*Hang* tak sesuailah baca buku”.

Itu reaksi yang aku biasa terima bila aku membaca. Hanya kerana penampilan dan perwatakanku, aku diberitahu aku tidak sesuai mempunyai hobi membaca.

Mujurlah pada waktu itu aku cuma membaca buku komik ‘Ujang’ sahaja, itulah antara buku yang aku suka dan mampu beli ketika itu. Jadi, aku jawab dengan bersahaja “komik ja pun”.

Entahlah. Kalau ditanyakan padaku apakah hobiku sewaktu aku sekolah rendah, aku sendiri tidak pasti. Sejujurnya, aku lebih sukakan sukan bola jaring ketika itu, dan aku juga lebih suka menulis.

Menulis. Meh.

Lagilah orang tak percaya kalau aku kata aku suka menulis. Sewaktu aku Darjah 6, aku mempunyai satu buku berkulit keras yang aku khaskan untuk menulis. Ada sebahagiannya diari, ada juga cerita rekaan aku. Tak tahulah mana buku itu sekarang, mungkin sudah dikitar semula menjadi tisu. Karangan Bahasa Melayuku juga pernah cikgu bacakan di dalam kelas sewaktu aku Darjah 6, bagus kata cikgu. Waktu Tingkatan 3, *teacher* bawa aku menyertai *Essay Writing Competition*, dan aku menang tempat pertama! Bayangkanlah, aku sengaja tidak hadir sekolah pada hari Isninnya kerana *teacher* kata nanti nama akan dipanggil untuk ambil hadiah waktu perhimpunan. Mana boleh! Nanti kawan-kawan aku gelakkan aku! “Apa punya *nerdlah hang ni*”. Aku bayangkan, macam itulah kawan-kawan aku akan cakap. Namun, kalau aku boleh kongsi di sini, aku mempunyai satu novel bahasa Melayu yang aku tulis sendiri 366 muka surat tau!

Berbalik kepada kisahku dengan buku, samar-samar ingatanku tentang buku itu, mungkin bukan buku yang pertama, aku sendiri pun tak ingat, tetapi buku itu menarik minat aku untuk membaca lebih banyak lagi buku yang lain. Buku itu bertajuk ‘Long dan Su’, kisah adik beradik antara abang sulung dan adik bongsunya. Yang aku ingat ialah, aku berbaju sukan ketika itu, duduk di antara dua rak buku di sebuah lokasi, mungkin perpustakaan, dan aku ambil dan baca. *Free-hair* aku ketika itu, sekolah rendah, mungkin Darjah 5, dan aku bersandar di satu rak dan satu kaki aku letak di atas rak buku yang satu lagi. Padanlah orang kata aku *boyish* kan, dengan lagak gaya seperti itu.

Memasuki alam sekolah menengah, memang aku pendamkan sahaja minat-minat aku yang membosankan untuk remaja sepertiku. Sewaktu aku di Tingkatan 1, aku lebih banyak menulis. Di Tingkatan 2, aku masih ingat kejadian itu, aku memilih untuk membaca buku sewaktu rehat, tetapi tajuk bukunya aku tak ingat, sedang aku asyik membaca sebuah buku cerita bahasa Inggeris, salah seorang sahabat aku datang dan menghentikan aku, katanya “*Hang* baca buku apa? Berhenti buat rajin boleh dak”, lebih kurang begitu. Aku tahu dia bergurau, tapi itulah antara sebab aku tidak membaca di khalayak. Jadi, aku ke perpustakaan seorang diri pada waktu rehat. Tidaklah setiap hari, hanya jika aku mempunyai peluang untuk lari dari kawan-kawan yang akan mengajak aku ke kantin. Tetapi waktu itu, aku lebih suka membaca buku-buku sains sebab tiba-tiba cita-citaku telah berubah dari menjadi seorang peguam ke ahli astronomi pula.

Aku suka membaca tentang bintang-bintang dan isi-isi lain angkasa raya. Aku baca tentang lohong hitam sampai termimpi-mimpi bumi ditarik masuk ke lohong hitam! Aku baca tentang bintang yang paling dekat dengan matahari. Rasa macam pandai sungguh aku pada waktu itu, macam nanti akulah ahli sains pertama dari Malaysia yang akan cipta kapal angkasa untuk ke bintang itu.

Walau bagaimanapun, akhirnya tertangkap aku dengan kawan-kawan. Biasalah, aku popular juga di sekolah dulu. Makan cari aku, bergosip cari aku, nak *dating* dengan *boyfriend* pun aku kena teman. “*Hang pi* perpustakaan buat apa”? Cepat otakku berkerja memikirkan jawapan, “Aku pi tengok Abang F, aku suka dia”. Padahal, aku kenal pun tidak dengan senior yang menjadi pengawas perpustakaan itu, setakat tahu nama. Tetapi, itulah, bercinta di sekolah tak salah, membaca pula yang tak sesuai di sekolah.

Entahlah aku malas sebenarnya, nak layankan reaksi orang kalau orang tahu minat aku ini. Sebab personaliti dan perwatakan aku ini katanya tak sesuai untuk ada minat membaca. Silap aku tak tanyakan pada mereka “sepatutnya apa yang orang macam aku patut suka”. Percaya tak, waktu aku Tingkatan 3, kawan-kawan yang perempuan dan lelaki tahu aku suka tengok bola sepak. Aku dibesarkan oleh abang. Itulah satu-satunya adik beradik aku. Dikejutnya aku tengok bola World Cup tahun 1998 Brazil menentang Perancis ketika itu. Malam-malam ajak aku tengok WWE. Dari situlah terbentuknya aku yang agak *boyish*. Tahun 2002, *World Cup South Korea*, aku sokong Perancis dan pemain bola sepak kegemaran aku ialah David Trezeguet. Boleh pula kawan-kawan lelaki aku sembang pasal bola dengan aku dan itu normal pada mereka untuk aku! Mentang-mentanglah aku sedikit berbeza dari kawan-kawan perempuan yang lain. Kawan-kawan seusia aku ketika itu, kebanyakannya ayu, berjalan pun perlahan sahaja, sopan-santun kononnya.

Ada kekangan lain juga yang aku hadapi, bukan penerimaan kawan-kawan sebaya sahaja. Sukar untuk aku betul-betul dekat dengan buku sewaktu kecil. Aku cuma banyak membaca komik sahaja. Komik-komik abang dan abang-abang sepupu. Abang sepupuku mempunyai koleksi komik yang mungkin tajuknya ‘Dewata Raya’ dan abang aku pula mempunyai banyak komik ‘Ujang’ dan ‘Gila-Gila’. Aku tidak mahu menyusahkan orang tuaku untuk membeli buku. Jadi tak mengapalah, baca sajalah mana yang ada. Kalau ada peluang, aku ke perpustakaan.

Memasuki alam universiti, aku mula mengenali buku-buku berbahasa Inggeris, kerana banyak penilaian-penilaian kursus yang memerlukan aku membaca buku cerita berbahasa Inggeris. Seronok! Aku mula mengenali penulis-penulis seperti Roald Dahl dan Mitch Albom. Ada beberapa lagi penulis lain, tetapi aku lebih sukakan dua penulis ini.

Aku diberi tugas untuk membaca buku Roald Dahl dan membuat pembentangan buku bertajuk ‘Esio Trot’, tentang seorang lelaki yang cuba memikat seorang perempuan dengan magis! Kononnya dengan jampi ‘esio trot, esio trot’ kura-kura kesayangan perempuan itu akan

cepat membesar! Comel! Antara sebab aku sukakan penulisan Roald Dahl ini, ringan sahaja, bahasanya juga mudah difahami dan mencuit hati. Alhamdulillah, sekarang, aku mempunyai koleksi buku Roald Dahl! Dalam koleksi itu pula, aku sudah baca berulang kali buku *Matilda* and *The Witches*. Banyak yang sudah difilemkan, dua yang aku sebutkan tadi, *Charlie and the Chocolate Factory* dan *The BFG*.

Bertentangan dengan Mitch Albom pula, buku-buku karyanya yang aku tahu, lebih berat dan sarat dengan pengajaran yang mendalam. Sewaktu di universiti, aku dikenalkan dengan Mitch Albom melalui sebuah filem iaitu *'Tuesday with Morrie'* dan selebihnya tidak perlu aku panjangkan. Antara buku Mitch Albom yang kini dalam koleksi aku ialah *'The Five People You Meet in Heaven'*, *'The First Phone Call from Heaven'* dan *'The Time Keeper'*. Cuma buku *'The Time Keeper'* pun mungkin sudah dikitar semula, atas jasa baik anak sulung aku. Habis di koyakkan buku-buku aku. Buku itu antara buku pertama yang aku beli bila sudah bekerja dan mempunyai duit sendiri. Banyak juga buku-buku aku yang menjadi mangsa kerakusan anak sulung aku sewaktu dia kurang dua tahun. Sedih! Antara lain buku Mitch Albom yang aku pernah baca ialah *'For One More Day'*. Satu perkara yang pasti ialah *'Tuesday with Morrie'* buku wajib semua umat manusia patut ada! Kenapa? Cuba beli dan baca.


Bila dah bekerja, aku ada duit sendiri untuk aku beli buku. Aku mula bekerja pada tahun 2011 dan pada tahun 2012 sambung belajar semula di Kuala Lumpur, makin menggila jadinya aku membeli buku. Konon *feeling* sangat dapat beli di KL, padahal sama sajalah beli di Sungai Petani! Dapat beli buku Harry Potter, tak dapat nak gambarkan perasaan sebab dah lama sangat memang teringin nak beli. Buku dah baca dulu, pinjam di perpustakaan. Oh, tahu tak buku Harry Potter ada lapan? Lapanlah aku ada! Yang kelapan itu tajuknya *'Harry Potter and The Cursed Child'*. Buku ini aku pinjamkan pada siapa, aku pun tak ingat. Jadi, sekarang aku pun tak tahu kat mana buku kelapan itu. Tak apalah, aku halalkan sahaja. Eh, entah-entah aku yang hilangkan! Anak aku pun boleh jadi juga. Tapi, kalau yang lagi tujuh, tak boleh sentuh! Sentuhlah kalau berani, tengok aku jadi harimau Malaya!


Selain itu, aku juga suka dengan Sophie Kinsella yang terkenal dengan *'The Shopaholic Series'*. Boleh aku katakan, selayaknya siri-siri itu begitu popular sebab memang menyeronokkan. Tapi aku cuma ada satu sahaja dalam koleksi aku iaitu *'Shopaholic to the Stars'*. Dan aku cuma pernah baca dua lagi sahaja dari siri-siri itu iaitu *'Confession of a Shopaholic'* dan *'Shopaholic Ties the Knot'*, tapi aku cuma pinjam sahaja dari perpustakaan semasa aku di Pahang dahulu. Buku Sophie Kinsella yang aku paling suka ialah *'Finding Audrey'* dan *'The (Un)Domestic Goddess'*. Kedua-dua buku ini aku habiskan dalam masa sehari ke dua hari sahaja! Aku pun tak sangka sebenarnya. Ada satu lagi buku Sophie Kinsella yang aku dah beli, kononnya bosan waktu PKP dulu, kononnya nak baca, sampai sekarang tak habis lagi. Bukunya *My Not So Perfect Life*.

Mentang-mentanglah belajar Bahasa Inggeris, jadi pensyarah Bahasa Inggeris, semua buku Bahasa Inggeris sajalah ada? Eh tak, ada juga novel-novel Bahasa Melayu tapi tak banyak, cuma ada tiga sahaja yang aku ada. Buku ilmiah pun aku adalah, ingat sesat sangat ke aku?! Tapi ada satu buku karya Yasmen Mogahed, *'Reclaim Your Heart'*. Tolonglah beli dan baca! Kalau aku boleh kongsi sedikit yang aku dapat dari buku itu, "*hold on to Allah for His hand-hold never breaks*". Maksudnya, kau sakit kau cari doktor kan? Kau minta dengan Allah dulu tak sebelum kau jumpa doktor? Kau harapkan suami bagi duit kan? Ada kau minta dengan Allah dulu? Suami, silap-silap kalau jumpa yang lagi cantik, ditinggalkannya kita. Allah? Tak akan! Berapa banyak salah kau, sikit Allah tak lupa kau, kau yang asyik lupakan Allah. Makan dalam kan?

Aku bukanlah pembaca tegar buku, sebab aku tahu ramai lagi yang lebih banyak membaca, yang jumlah buku yang telah dibaca mencapai puluhan setahun. Dan aku, setengah tahun 2024 telah berlalu, aku baru habiskan tiga buah buku sahaja iaitu, Novel Graphic Covid-


19, Timeline Akhir Zaman, Ais Kosong Kurang Manis. Dua buah lagi aku tak mampu habiskan kerana kurang menarik bagi aku. Satu lagi buku aku belum buka plastiknya. Sekarang aku dalam usaha menghabiskan buku yang bertajuk *Four Aunties and a Wedding*, karya penulis Indonesia Jesse Sutanto. Setia bersamaku ketika ini saat aku di dalam KTM berulang alik dari Arau - Sungai Petani.





Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

